



Latihan 2.5.3 dan 2.5.4

- 1 Kereta api yang bertolak dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur membawa penumpang seramai 415 orang. Apabila tiba di Kuala Lumpur, 356 orang penumpang turun dan 267 orang naik. Kira bilangan penumpang di dalam kereta api semasa bertolak dari Kuala Lumpur.




Graf di sebelah menunjukkan bilangan pokok yang ditanam semula oleh majlis perbandaran. Pada tahun 2015, jumlah pokok yang ditanam adalah 138 kurang daripada tahun 2014.

- (a) Hitung jumlah pokok yang ditanam semula pada tahun 2015.
- (b) Kirakan jumlah pokok yang ditanam semula dari tahun 2014 hingga tahun 2016.
- 3 Sebuah badan sukarelawan telah mencetak 1 550 keping tiket "Pesta Amal". 1 342 keping sudah dijual dalam masa seminggu. 545 keping tiket dicetak lagi pada minggu seterusnya. Kira bilangan tiket yang masih ada untuk dijual.

- 4 Satu rim kertas mengandungi 250 helaian. Sekolah menggunakan 10 rim kertas bersaiz A4 dalam masa 20 hari. Kira bilangan kertas yang digunakan sehari secara purata.

- 5 Seorang pemborong telah menukar saiz pembungkusan daripada 12 tin kepada 24 tin sekotak. Terdapat 122 kotak tin minuman di dalam simpanan. Kira bilangan kotak tin minuman yang diperoleh selepas pengubahsuaian.



- 6 Seorang peladang telah mengisi 630 biji buah naga ke dalam 15 kotak. Berapakah bilangan buah naga yang terdapat dalam 9 kotak?